

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH  
(JASIN)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 25.05.2016**

**Y.B. DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH [ JASIN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah konkrit untuk menangani hutang kembar yang membimbangkan iaitu :-

- a. hutang luar negara yang telah melonjak dari 29% dari GDP pada tahun 2010 kepada 74% dari GDP pada tahun 2015 ; dan
- b. hutang isi rumah pula telah melompat dari 72% kepada hampir 90% dalam tempoh yang sama.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubungan dengan kedudukan hutang luar negeri Malaysia,

sehingga akhir 2015, parasnya mencecah RM833.7 bilion atau 72.1% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Hutang luar negeri Malaysia yang lebih tinggi adalah antara lain disebabkan oleh penggunaan definisi baharu mulai tahun 2013, selaras dengan keperluan pelaporan hutang diperingkat antarabangsa mengikut konvensyen standard Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan institusi kewangan antarabangsa yang lain. Dengan penggunaan definisi baharu ini, hutang luar negeri kini merangkumi pegangan sekuriti hutang, deposit dan kredit perdagangan dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin (*foreign holders*) serta klasifikasi yang sedia ada iaitu pinjaman luar pesisir oleh Kerajaan Persekutuan, perusahaan awam dan juga sektor swasta. Sekiranya hutang luar negeri dikira berdasarkan kepada definisi lama, ianya adalah sebanyak 40.1% daripada KDNK, lebih rendah daripada yang dilaporkan menggunakan definisi baharu.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hutang luar negeri berdasarkan definisi baharu yang lebih tinggi, mencerminkan paras pegangan sekuriti hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin yang tinggi, mencakupi lebih 30% daripada jumlah keseluruhan hutang luar negeri. Ini mencerminkan keyakinan pelabur terhadap kedalaman (*depth*), keterbukaan (*openness*) dan daya tarikan (*attractiveness*) yang lebih meluas dalam pasaran kewangan

Malaysia. Adalah penting juga untuk diberi perhatian bahawa dari sudut hutang luar pesisir Kerajaan Persekutuan, parasnya adalah kecil dan hanya meliputi 3.4% daripada jumlah keseluruhan hutang luar negeri tersebut. Hutang luar pesisir Kerajaan Persekutuan tersebut kekal rendah pada paras RM21.5 bilion atau 1.9% daripada KDNK.

3. Bagi memastikan paras hutang terutamanya hutang Kerajaan Persekutuan adalah terkawal dan terurus, beberapa langkah kawalan berikut perlu dipatuhi iaitu:

- i. memastikan perbelanjaan mengurus sentiasa dibiayai melalui hasil negara dan seterusnya memastikan sebahagian daripada hasil negara tersebut dapat menampung sebahagian perbelanjaan pembangunan;
- ii. mengawal perbelanjaan dan memastikan peruntukan dibelanjakan dengan berhemat, cekap dan berkesan serta memberi penekanan kepada outcome, bagi mengelakkan pembaziran;
- iii. memastikan pinjaman Kerajaan adalah hanya untuk membiayai perbelanjaan pembangunan. Pinjaman ditumpukan kepada perbelanjaan pembangunan bagi projek berimpak tinggi yang akan memberi pulangan kepada negara dan rakyat

dalam tempoh jangka masa panjang; dan

iv. meneruskan dasar semasa Kerajaan dalam mengutamakan pinjaman dalam negeri yang tidak menyebabkan inflasi, dengan mengambil kira mudah tunai yang tinggi dan kos pinjaman yang lebih murah.

4. Kerajaan yakin dengan langkah-langkah tersebut akan membolehkan paras hutang Kerajaan Persekutuan dapat dikawal dan seterusnya dikurangkan menjelang tahun 2020. Pada masa ini, Malaysia dikategorikan sebagai negara keberhutangan sederhana dengan paras hutang Kerajaan Persekutuan kepada KDNK kekal terurus pada 54.5% pada 31 Disember 2015.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Berkenaan dengan hutang isi rumah pula, sehingga akhir 2015, paras hutang isi rumah adalah berjumlah RM1,030.6 bilion atau 89.1% daripada KDNK. Sebahagian besar hutang tersebut adalah untuk tujuan pengumpulan aset iaitu pembelian harta tanah sama ada untuk kediaman atau bukan kediaman dan pelaburan dalam aset kewangan. Sungguhpun demikian, ekoran pelaksanaan pelbagai langkah awalan mengawal hutang isi rumah yang diambil sejak tahun

2010, jumlah hutang isi rumah telah meningkat pada kadar yang lebih perlahan daripada 12.7% pada tahun 2011, 12.7% pada tahun 2012, 12.2% pada tahun 2013, 9.4% pada 2014 dan 7.3% pada tahun 2015.

6. Bagi membendung kenaikan hutang isi rumah sejak tahun 2010, pelbagai langkah progresif telah diambil, bagi memastikan tahap keberhutangan sektor isi rumah kekal terkawal dan tidak menjadi satu sumber ketidakstabilan kewangan pada masa hadapan. Antara langkah-langkah tersebut adalah:

- i. menggalakkan pemberian pembiayaan secara bertanggungjawab dengan mematuhi garis panduan pembiayaan yang bertanggungjawab;
- ii. meningkatkan kesedaran terhadap amalan pengurusan kredit yang berhemat melalui Program pendidikan kewangan seperti POWER!;
- iii. menawarkan kemudahan mekanisme mengurus hutang dan khidmat nasihat kewangan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) kepada peminjam bank dan bukan bank;
- iv. menggalakkan tingkah laku individu dan institusi yang

bertanggungjawab dalam amalan pemberian kredit termasuk dengan memperketat syarat pemilikan kad kredit untuk menggalakkan sikap bertanggungjawab dalam penggunaan kad kredit;

v. menghadkan nisbah *Loan-to-Value (LTV)* kepada 70% bagi pembiayaan dan pinjaman harta tanah ketiga dan selebihnya untuk membendung kegiatan spekulatif dalam pasaran harta tanah dan menggalakkan pasaran harta tanah yang lebih mampan; dan

vi. Penggunaan nisbah khidmat bayaran hutang (DSR) yang berhemat dalam penilaian kredit bagi memastikan isi rumah mempunyai penamparan kewangan yang mencukupi untuk melindungi mereka daripada kenaikan kos dan kejadian yang tidak dijangka.

Kesemua langkah ini telah diperkenalkan secara beransur-ansur untuk mengawal perkembangan hutang isi rumah bagi mengelakkan gangguan yang melampau dalam sistem kewangan dan ekonomi domestik.